

1989778

K 08 25 04 00174 BAZ00

aan

PARLIHEN; SPR TIDAK MENGETAHUI SIAPA YANG MENGUNDI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 25 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak mengetahui siapa yang keluar mengundi dalam mana-mana pilihan raya termasuk pilihan raya Dewan Undangan Negeri Sabah pada Januari lepas.

Katanya, ini kerana menurut undang-undang, semua dokumen pilihan raya termasuk senarai pemilih yang ditandakan pada hari mengundi dimetrikkan dan tidak boleh dibuka kecuali atas perintah Hakim Pilihan Raya.

Ketika menjawab soalan Haji Nik Abdullah Nik Arshad (PAS-Pengkalan Chapa) di Dewan Rakyat hari ini, Dr Mahathir juga berkata, mengikut Peraturan 25E(2) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981, dokumen-dokumen itu akan disimpan selama enam bulan sebelum ia dimusnahkan, kecuali jika ada petisyen pilihan raya.

Dr Mahathir berkata, SPR hanya dapat mengetahui bilangan pemilih yang keluar mengundi melalui Penyata Pengundian.

Menurutnya, SPR tidak boleh menggugurkan nama sesiapa pun daripada senarai pemilih melainkan atas sebab kematian, hilang kelayakan dan pendaftaran berganda. -- Bernama

MAH BMO